



kaunseling Remaja

Dr Sapora Sipon Menjawab

Jika anda menghadapi masalah percintaan, pembelajaran, kewangan, keluarga dan perkara peribadi yang sukar diselesaikan, pakar kaunseling Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) sedia membantu. Hantarkan masalah anda lengkap dengan nama dan alamat penuh kepada Ruangan Pengelola Kaunseling Remaja, Harian Metro, Balai Berita, 31, Jalan Riong, 59100 Bangsar, Kuala Lumpur atau e-mel kepada rencana@hmetro.com.my

Gadis terlanjur bimbang ditinggal kekasih

Tertekan teman lelaki curang

SOALAN

SAYA berusia awal 20-an dan mempunyai teman lelaki sebaya dan kami sudah dua tahun terlanjur.

Masalahnya, baru-baru ini, dia memutuskan hubungan kami kerana mempunyai buah hati lain.

Saya amat tertekan kerana kami tidak pernah bergaduh besar sehinggalah saya terbaca pesanan ringkas daripada perempuan itu ketika dia bercuti di rumah saya.

Ternyata perempuan itu pilihannya.

Namun, pelik kerana jika dia tidak sayang, mengapa masih berjumpa, melayan dan menyentuh saya?

Baru-baru ini, saya menelefon perempuan itu dan memintanya mengundurkan diri, namun dia enggan walaupun saya ceritakan keterlanjuran kami. Dia sanggup menerima segala kesalahan teman lelaki saya.

Saya amat tertekan, kecewa dan menderita apa yang berlaku hinggalah dalam masa dua minggu, berat badan saya turun 10 kilogram (kg).

Ibu perasan dengan perubahan saya. Akhirnya, kerana tidak sanggup menyimpan rahsia dan desakan ibu, saya menceritakan keterlanjuran saya bersama teman lelaki.

Ibu terkejut lalu menelefon teman lelaki namun gagal dihubungi. Ibu menelefon ibu teman lelaki saya dan selepas dua kali dia mengaku dan meminta maaf kepada keluarganya tetapi melalui kakaknya dan bukan terus kepada ibunya.

Dia tidak berani untuk berterus terang dengan ibunya kerana keluarganya mempunyai pegangan agama yang sangat kuat.



PEDIH... sukarnya menerima kecurangan orang yang di sayangi!

Masalahnya Dr, keluarganya menyuruh kami menghabiskan latihan praktikal sebelum menyelesaikan masalah ini.

Namun, saya takut dan tidak sanggup menunggu April ini kerana bimbang mereka lupa perkara ini.

Daripada perbuatan kakaknya, seperti tidak ada kesudahan yang baik untuk masalah ini. Walau apapun, saya bersyukur kerana keluarga masih memberi sokongan yang kuat walaupun saya melakukan dosa besar.

Tolonglah Dr, apa harus dilakukan. Saya masih menyayanginya dan sentiasa merinduinya. Ibu sering berpesan, jika dia tidak menerima saya

dan tidak mahu bertanggungjawab, lepaskanlah dia kerana itu mungkin kami tiada jodoh. Namun, saya tidak dapat menerima kenyataan itu.

Dr, adakah keluarganya akan mengotakan janjinya untuk menikahkan kami? Adakah teman lelaki saya akan memaafkan saya? Adakah dia akan menikahi saya kerana sayang dan tanggungjawab atau hanya kerana terpaksa? Dan adakah kami akan bahagia nanti?

Saya amat berharap dia akan menjadi suami saya kerana tidak sanggup disentuh lelaki lain. Tolonglah saya.

Gadis sengsara, Muar, Johor

JAWAPAN

SECARA jujur, Dr tidak mempunyai jawapan kepada pertanyaan adik. Sama ada keluarga teman lelaki akan mengotakan janjinya untuk menikahkan kalian, jawapannya hanya boleh diberikan oleh pihaknya.

Dr juga tidak dapat memastikan sama ada teman lelaki akan menikahi adik kerana sayang serta tanggungjawab ataupun kerana terpaksa. Ini kerana semua itu, hanya teman lelaki adik saja yang tahu.

Apabila terlalu banyak persoalan yang bermain di fikiran, jelas ia boleh mengganggu kesihatan adik. Buktinya

adik kehilangan 10 kilogram dalam tempoh dua minggu.

Dr memahami konflik yang adik alami. Memang sukar melupakan dan melepaskan orang yang disayangi. Dr juga memahami apa rasanya apabila cinta dikhianati.

Bagaimanapun, adik harus menghadapi situasi ini dengan tenang dan sentiasa mendoakan bahawa yang terbaik untuk adik akan muncul. Jika adik terburu-buru mengambil tindakan dan membuat keputusan, ia akan membawa lebih banyak keburukan.

Di sini, keluarganya meminta tempoh sehingga kalian habis praktikal dan keputusan

itu menimbulkan keraguan di pihak adik.

Mengenai keraguan yang timbul ini, adik perlu berbingcang dengan teman lelaki. Ini kerana penanguhan itu adalah satu petanda yang baik dan positif. Doakan apa yang dirancang akan menemui kejayaan dan dapat menyelesaikan yang adik alami.

Selain itu, adik juga perlu berterus terang dengan teman lelaki mengenai perasaan takut yang adik alami.

Jelaskan padanya bahawa adik benar-benar mengharapkan dia menikahi adik dan katakan juga padanya bahawa adik tidak sanggup disentuh lelaki lain selain dia.

Jika usaha adik tidak berjaya, ini bermaksud dia sememangnya bukan lelaki yang terbaik untuk adik dan nyata kalian tidak punya jodoh.

Sesukar manapun masalah yang dihadapi, adik perlu tabah dalam meniti kehidupan. Carilah sokongan dari orang terdekat terutama keluarga. Yakinlah, jika adik kuat semangat dan sentiasa mencari keredaan dalam kehidupan, kekuatan untuk meneruskan kehidupan akan ditemui. Dr sentiasa mendoakan agar adik menemui sinar mentari kesejahteraan hidup.